Muhyiddin menghadap Seri Paduka

Menteri Kabinet 'kunci mulut' selepas mesyuarat khas, undang spekulasi

Oleh TN Alagesh, Mohd Iskandar Ibrahim, Mohd Nasaruddin Parzi dan Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pergerakan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam menarik tumpuan seluruh negara dan mengundang pelbagai spekulasi.

Pada sebelah pagi, beliau mempengerusikan Mesyuarat Khas Kabinet sebelum ke Kuantan, Pahang untuk menghadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Di **Putrajaya**, kenderaan membawa Muhyiddin dilihat memasuki Bangunan Perdana Putra pada jam 8.57 pagi, kira-kira setengah jam sebelum Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat khas Kabinet.

Selain anggota Jemaah Menteri, Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Affendi Buang dan Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun turut dilihat memasuki Bangunan Perdana Putra.

Selepas kira-kira tiga jam kemudian, anggota Kabinet dilihat mula meninggalkan pejabat Perdana Menteri, namun semuanya 'mengunci mulut' apabila ditanya wakil media yang menunggu di pintu masuk bangunan itu mengenai apa yang dibincangkan.

Selepas solat Jumaat, Muhyiddin dilaporkan menaiki penerbangan ke Kuantan untuk menghadap Seri Paduka dan dilihat memasuki Istana Abdul Aziz di Indera Mahkota, Kuantan, kira-kira jam 4.40 petang, diiringi pasukan keselamatan dan sejumlah kenderaan rasmi kerajaan Pahang.

Petugas media yang mula berkumpul di depan pintu masuk utama istana pada jam 2.30 petang melihat kenderaan membawa Affendi, antara yang berada dalam konvoi mengekori Perdana Menteri menghadapi Seri Paduka.

Dua jam kemudian kira-kira jam 7.10 petang, kenderaan membawa Perdana Menteri dilihat meninggalkan Istana Abdul Aziz, namun beliau tidak memberikan apa-apa kenyataan kepada kumpulan wakil media yang menunggu.

Setakat berita ini ditulis, Pejabat Perdana Menteri atau Istana Negara belum mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung pertemuan itu walaupun pelbagai spekulasi mula kedengaran sejak kelmarin, rata-ratanya dikaitkan dengan penularan gelombang ketiga COVID-19 di negara ini.

Antara desas-desus yang kedengaran adalah kerajaan mungkin mencadangkan pengisytiharan darurat, khususnya darurat berkaitan keselamatan dan ekonomi ketika penularan COVID-19 terus mencatatkan peningkatan.

Andaian lain ialah kemungkinan penggantungan persidangan Dewan Rakyat atau 'prorog', iaitu pemberhentian atau penggantungan persidangan Dewan Rakyat dalam tempoh enam bulan dari tarikh akhir persidangan terdahulu.

Kenderaan Muhyiddin memasuki Bangunan Perdana Putra *untuk mempengerusikan mesyuarat khas bersama Menteri Kabinet, semalam.* (Foto Luqman Hakim Zubir /BH)

> ***Jika Parlimen diprorog, pilihan raya tidak perlu diadakan kerana Parlimen masih lagi ada. Cuma digantung sahaja.***
>
> ***Zainul Rijal Abu Bakar,*** *Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia*

> ***Semua urusan Dewan Rakyat mesti ditangguh, hanya boleh disambung semula selepas tamat prorog atau sidang seterusnya.***
>
> ***Abdul Halim Sidek,*** *Penganalisis politik dan perundangan*

Pakar perlembagaan yang juga Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, Universiti Teknologi MARA, Prof Dr Shamrahayu A Aziz, berkata darurat adalah satu keadaan berkaitan keselamatan, ekonomi dan ketenteraman awam yang tidak dapat dikawal melalui sistem pentadbiran biasa.

Katanya, pengisytiharan darurat adalah satu pemasyhuran dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong melalui suatu pewartaan bahawa keadaan terbabit sudah wujud atau hampir berlaku dengan kesannya adalah Perlembagaan digantung dan pentadbiran negara ditentukan oleh pihak eksekutif.

"Tentera juga boleh mengambil alih teraju dalam hal berkaitan keselamatan sekiranya keadaan memerlukan, lebih-lebih lagi apabila darurat diisytiharkan kerana berlaku ancaman kepada keselamatan negara. Parlimen masih boleh bersidang sekiranya tidak dibubarkan.

"Ketika proklamasi darurat berkuat kuasa, kuasa eksekutif Persekutuan juga meliputi semua perkara dalam kuasa perundangan negeri dan memberi arahan kepada kerajaan negeri atau mana-mana pegawai atau pihak berkuasa negeri," katanya.

Bagi prorog Parlimen pula, beliau berkata, ia diamalkan di Malaysia bagi menandakan tamatnya penggal Parlimen untuk digantikan dengan penggal berikutnya.

"Prorog ialah istilah khusus berkaitan Parlimen dan istilah khusus bagi undang-undang Perlembagaan yang bermaksud memberhentikan Parlimen atau menggantung Parlimen tanpa membubarkannya.

"Sidang Parlimen dihentikan atau direhatkan sehingga persidangan selepas itu atau sehingga Parlimen dibubarkan. Justeru, kesan jelas akibat pemprorogan Parlimen ialah Parlimen tidak boleh bersidang," katanya.

Pengamal undang-undang yang juga Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia, Datuk Zainul Rijal Abu Bakar, menjelaskan Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa memprorog atau menggantung Parlimen berdasarkan Perkara 55(2) Perlembagaan Persekutuan.

"Perkara 55 jelas memperuntukkan hanya Yang di-Pertuan Agong boleh memanggil Parlimen untuk bersidang serta mempunyai kuasa mutlak untuk menghentikan atau membubarkan Parlimen.

"Bagaimanapun, memprorog Parlimen masih belum lazim dicatatkan dalam sejarah perundangan negara. Peruntukan mengenai memprorog Parlimen ini masih belum diuji di mahkamah Malaysia dan tiada penghakiman dibuat mengenainya sebelum ini.

"Jika Parlimen diprorog, pilihan raya tidak perlu diadakan kerana Parlimen masih lagi ada. Cuma digantung sahaja," katanya menambah, penggantungan Parlimen tidak terpakai jika proklamasi darurat diisytiharkan Yang di-Pertuan Agong berdasarkan Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

Penganalisis politik dan perundangan, Prof Datuk Dr Abdul Halim Sidek pula menjelaskan, jika Parlimen diprorog, tiada sidang Parlimen berlangsung, termasuk penggubalan undang-undang baharu sepanjang tempoh berkenaan.

"Semua urusan Dewan Rakyat mesti ditangguh, hanya boleh disambung semula selepas tamat prorog atau sidang seterusnya," katanya menambah, belanjawan tahunan juga tidak boleh dibentang dan diluluskan Parlimen, namun boleh diluluskan jika pengisytiharan darurat diumumkan sebaik pengumuman prorog Parlimen dibuat.

Katanya, ia bermakna akan wujud struktur baharu pentadbiran negara seperti Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) diketuai Yang di-Pertuan Agong, yang akan berfungsi memastikan kelancaran dalam urusan pentadbiran negara.

"Di bawah badan itu, belanjawan boleh diluluskan tanpa perlu melalui Parlimen dengan beberapa individu, termasuk Perdana Menteri akan menganggotai badan berkenaan. Badan ini hanya sementara, dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk melicinkan pentadbiran negara.

"Perdana Menteri akan berada dalam badan itu, selain pelantikan beberapa lagi individu yang dirasakan baginda sesuai untuk menjalankan tugas diamanahkan. Individu itu boleh hadir dalam kalangan wakil parti politik atau individu yang mempunyai kepakaran tertentu.

"Malah, kedudukan Perdana Menteri nanti setaraf dengan pegawai kanan kerajaan yang lain seperti Ketua Setiausaha Negara, Peguam Negara, Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta Ketua Polis Negara," katanya.

Prorog Parlimen dari segi perundangan, politik
MukaSepuluh